

Berjinjang naik bertangga turun

SIRI KE-39

SETELAH Kerajaan Negeri Sembilan ditubuhkan dalam tahun 1773 dan Raja Melewar ditabalkan sebagai raja yang pertama, maka sistem pentadbiran pun disusun di mana Adat Perpatih telah dijadikan sebagai satu peraturan dalam sistem pentadbiran negeri di seluruh Negeri Sembilan.

Dalam sistem pentadbiran ini diungkapkan dengan pepatahnya:

Berjinjang naik bertangga turun.

Anak buah beribu bapa

Suku Berlembaga, Luak berpenghulu
Alam beraja

Dapat saya katakan di sini dalam pentadbiran menurut Adat Perpatih ini adalah satu sistem pemerintahan yang bercorak demokrasi yang mula diamalkan di Minangkabau lebih 500 tahun yang lalu.

Boleh dianggap bahawa bangsa Melayulah yang pertama dalam dunia ini yang menjalankan pentadbiran negara menurut sistem demokrasi wa-



laupun Aristotle dan Pluto pernah berteori mengenainya yang disebut 'demoskratos' atau kuasa rakyat tetapi tidak dipraktikkan, ia hanya dilaksanakan setelah revolusi di Perancis pada tahun 1789.

Ertinya baru 200 tahun barulah corak pentadbiran di negara Barat bermula dengan pemerintahan demokrasi.

(Saya tidak mengakui bahawa apa yang saya sebutkan di sini adalah be-

nar tetapi kalau ada ahli sejarah dapat memberikan kenyataan dan hujah - hujah yang dapat diterima, saya adalah akur dengannya, tetapi sebaliknya jika tidak ada sesiapa yang dapat memberikan kenyataan dengan dalil - dalil yang tepat maka pendapat yang saya kemukakan ini boleh dan dapat diakui akan kebenarannya).

Sebelum kedatangan Raja Melewar seperti yang saya jelaskan dalam siri yang lalu orang - orang perantau Minangkabau sudahpun berada di Negeri Sembilan sejak dari jkurun yang ke-15 lagi, tetapi belumlah begitu ramai.

Tetapi setelah banyak kampung yang telah diterokai dan didiami maka timbulnya hasrat rakyat yang dipimpin oleh Buapak, Lembaga dan Penghulu - Penghulu Luak untuk menjemput seorang putera raja dari Minangkabau setelah mendapat restu dari Sultan Johor untuk merajai Negeri Sembilan.

Dalam sistem pentadbiran ini kampung - kampung yang telah diteroka dan didiami dibahagikan kepada beberapa buah kampung yang dipanggil suku atau waris, nama-nama suku atau waris di Negeri Sembilan yang sekarang mengandungi 12 suku kecuali suku Biduanda dan Anak Melaka, 10 lagi nama suku - suku itu adalah nama kampung asal mereka di Minangkabau. Nama-nama 12 suku tersebut adalah seperti berikut:

1. Tanah Datar
2. Batu Hampar
3. Seri Lemak Pahang
4. Seri Lemak Minangkabau
5. Mungkar
6. Paya Kumbuh
7. Simalenggang
8. Tiga Batu
9. Biduanda
10. Tiga Nenek
11. Anak Melaka
12. Batu Belang.